

# **"IMEJ ISLAM: TANGGAPAN NEGATIF DAN PENYELESAIANNYA "**

**Dato' Dr. Ismail Ibrahim**  
**Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia**

*The significance of this article lies in its description concerning social life in Islam which should be truly understood by Muslims as well as non-Muslim. So that they can evaluate the virtues of the religion.*

1. Berdasarkan pandangan umum yang disuarakan di media, terutamanya media barat melalui tulisan, berita, komen, ulasan dan sebagainya, maka ternyata bahawa imej Islam sentiasa digambarkan dalam bentuk yang negatif. Umat Islam digambarkan sebagai umat yang berpecah belah, emosional, suka-kan keganasan, kolot dan sebagainya. Secara khusus agama Islam dianggap sebagai:

- (a) agama yang mempunyai larangan-larangan yang keras dan menyekat kebebasan individu, tidak boleh berjudi, meminum minuman keras dan sebagainya;
- (b) agama liberal yang memberi ruang berpoligami dan bercerai, menganiayai isteri dan kaum wanita;
- (c) agama sempit yang menumpukan perhatian kepada pelajaran

agama (*fardu ain*) semata-mata kerana itu tidak ramai orang Islam dalam bidang profesional;

- (d) agama yang tidak menggalakkan penganutnya berniaga dan bergiat dalam bidang ekonomi kerana tidak boleh makan faedah dan sebagainya;
  - (e) agama untuk orang-orang yang tertentu, atau bangsa dan keturunan yang tertentu seperti agama orang Melayu, oleh itu sesiapa yang masuk Islam berarti hilang bangsa asalnya, atau putus hubungan dengan keluarganya;
  - (f) agama yang menyusahkan dengan ibadat-ibadat harian, mingguan dan sebagainya, tidak seperti agama lain yang hanya perlu pergi ke tempat-tempat ibadat sekali seminggu atau sekali sekala sahaja.
2. Kesalahfahaman masyarakat tentang agama Islam seperti yang disebutkan di atas merupakan implikasi secara langsung akibat dari kelumpuhan jentera penerangan Islam dan pendidikan Islam kepada masyarakat, khususnya masyarakat Malaysia yang terdiri dari kepelbagaian kaum dan kepercayaan serta kepelbagaian budaya dan adat resam masing-masing. Masyarakat tidak didedahkan secara serius dan sistematik tentang falsafah pengajaran Islam dan nilai-nilai moral kerohaniannya yang unik itu.
  3. Selain dari itu kehidupan dan realiti umat Islam sendiri menyumbang kepada kesalahfahaman yang timbul itu walaupun tidak dalam bentuk keseluruhannya. Sikap tradisi orang-orang Islam yang memahami Islam semata-mata dari perspektif *fardu ain* dan peningkatan akidah serta moral individu sahaja menambahkan lagi prasangka bahawa Islam hanya merupakan agama yang sempit dan tidak mempunyai hubungan dengan kehidupan masyarakat dan aspek-aspek keduniaan. Sikap sebahagian pendakwah yang terlalu "keras" dengan "amaran-amaran" tentang dosa dan azab serta perubahan-perubahan mendadak yang harus diambil perhatian dan dipatuhi serta merta oleh orang-orang yang hendak menganut Islam juga kadang-kadang membawa kepada pandangan dan sikap negatif orang-orang bukan Islam terhadap Islam, dan meninggalkan kesan psikologi yang serius kepada persepsi mereka terhadap Islam.
  4. Berdasarkan matlamat Wawasan 2020 yang bertujuan melahirkan rakyat yang bermoral dan berperadaban tinggi dengan keluarga dan masyarakat penyayang serta bertanggungjawab, dan berdasarkan kedudukan umat Islam pada masa kini yang perlu memperbaiki dan mempertingkatkan kualiti mereka di dalam semua aspek kehidupan, maka ternyata

sekali bahawa semua institusi sosial haruslah memainkan peranan masing-masing secara lebih bersungguh-sungguh dan merangkumi ruang lingkup yang lebih luas serta menyeluruh dalam usaha memenuhi matlamat Wawasan 2020 dan meningkatkan kualiti umat Islam.

5. Umat Islam melalui daya usaha individu dan institusi haruslah merealisasikan objektif dan matlamat Wawasan 2020 dalam konteks pembangunan manusia yang cekap, berdisiplin, bekerja keras dan sebagainya. Para ulama Islam sendiri seharusnya menjadi pendorong yang kuat bukan hanya dari segi penanaman nilai-nilai moral dan akhlak insaniah yang murni dan bermutu tinggi, tetapi juga dalam membangun tenaga manusia yang komited kepada kerjanya, yang dedikasi, bertanggungjawab dan sentiasa peka kepada peningkatan prestasi. Rasulullah S.A.W. bersabda; maksudnya:

"Sesungguhnya Allah suka apabila seorang itu bekerja maka ia tekun dan teliti" (iaitu bekerja dengan cekap dan bersungguh-sungguh).

6. Pembabitan ulama secara positif dan komited dalam pembangunan negara dan bangsa yang sedang menuju kepada kemajuan di dalam semua bidang kehidupan adalah amat penting untuk memastikan bahawa pembangunan manusia dan negara kita tidak akan terpisah dari pembangunan kerohanian dan nilai-nilai murni kehidupan umumnya. Ulama haruslah menguatkan kedudukan mereka di dalam gelanggang perjuangan dan pembangunan negara dengan penuh tanggungjawab menjalankan tugas masing-masing untuk membentuk generasi baru yang berilmu, bersikap positif, berpandangan jauh dan terbuka, dan sentiasa berusaha mempertingkatkan kualiti diri dan prestasinya. Para ulama sebagai pendakwah, pegawai tadbir, ketua jabatan, hakim, guru, penyarah dan sebagainya masing-masing mempunyai peranan penting di dalam bidang kerjaya mereka dalam proses pembangunan negara dan bangsa yang disepadukan dengan pembangunan kerohanian dan nilai-nilai murni kehidupan.
7. Umat Islam tidak seharusnya mengambil sikap yang negatif, apa lagi sikap pasif, terhadap perubahan-perubahan masyarakat dan perkembangan terbaru yang berlaku di sekelilingnya dengan alasan bahawa perubahan dan perkembangan baru itu tidak kena mengena dengannya sebagai seorang Islam yang hanya prihatin dengan hukum-hukum syarak dan amal ibadat khusus. Sikap begini amat merugikan masyarakat dan menjejaskan pembangunan negara dan bangsa yang memerlukan pandangan dan sokongan pada mereka dari segi sandaran agama dan nilai-nilai moral kerohanian Islam.

8. Berdasarkan objektif Wawasan 2020 yang menekankan tentang pembangunan manusia yang berkualiti dan bernilai tinggi, maka umat Islam hendaklah menentukan program gerak kerjanya berdasarkan panduan yang diberikan oleh Islam sendiri. Jika dilihat di dalam Quran, sunnah Rasulullah dan sejarah serta tamaddun Islam, nyata sekali bahawa Islam amat mementingkan kualiti manusia yang berilmu, berfikiran tinggi dan positif, berpandangan jauh, berakhlak mulia dan mementingkan keadilan serta kerjasama sesama saudaranya orang-orang Islam dan bukan Islam. Beberapa ciri penting dalam pembangunan insan yang perlu dilaksanakan dari segi pemikiran, sikap, tanggungjawab dan kerjasama sesama manusia dapatlah digariskan sebahagiannya seperti di bawah:

- (a) mengambil tauladan dan pengajaran daripada keadaan manusia lainnya, terutamanya seperti yang pernah berlaku di dalam sejarah, iaitu tentang jatuh bangunnya umat manusia, dan sebab-sebab kekecewaan dan kegagalan umat manusia, terutamanya yang bertindak menurut nafsu dengan membelakangkan perintah Allah.

Allah S.W.T. berfirman, *Surah Al-Haj*, (2):46, bermaksud:

"Tidaklah mereka mengembara di atas muka bumi agar mereka memiliki hati yang boleh digunakan untuk berfikir, atau mempunyai telinga yang dapat mendengar. Sesungguhnya penglihatan (mata kasar) itu tidaklah buta, tetapi yang buta ialah hati di dalam dada".

- (b) mengorbankan jiwa dan harta benda untuk menegakkan kemurnian ajaran Allah, dan memperbaiki maruah serta kekuatan umat. Pengorbanan yang paling baik ialah dengan jiwa yang dibantu oleh kekuatan kebendaan yang mencukupi, seterusnya kekuatan lain yang dapat menandingi semua kekuatan orang lain, dan mengikut perubahan waktu dan tempat.

Allah S.W.T. berfirman, *Surah Al-Taubah*, (9): 41, bermaksud:

"Berjihadlah dengan harta benda kamu dan jiwa kamu pada jalan Allah. Yang demikian itu adalah amat baik bagi kamu sekiranya kamu mengetahui".

- (c) Mengambil sikap terbuka dan bersedia menerima perubahan baru yang sesuai dengan dasar umum Islam, tanpa bersikap fanatik dan terikat dengan adat tradisi usang yang ternyata tidak sesuai.

Firman Allah S.W.T. *Surah Al-Baqarah*, (2): 170, bermaksud:

"Dan apabila dikatakan kepada mereka ikutilah apa yang turunkan Allah, mereka menjawab: Malah kami akan mengikuti apa yang kami lihat datuk nenek kami telah amalkan, walaupun datuk nenek tidak dapat berfikir sedikit jua pun dan mereka tidak mendapat petunjuk".

- (d) Membezakan di antara fungsi manusia sebagai khalifah dan hamba Allah. Sebagai khalifah yang diamanahkan Allah untuk mengurus alam ini, maka manusia berhak menggunakan segala kebijaksanaan pemikiran dan kekuatan akal serta fizikalnya untuk membangun dan memajukan alam hingga ke peringkat yang maksimum mungkin. Tetapi dalam hal ini manusia haruslah sedar bahawa ia sebagai hamba Allah maka kebebasan bertindak adalah terhad. Ia harus tunduk kepada sempadan dan panduan yang telah ditetapkan Allah. Ia mestilah mengambil kira nilai-nilai dan garis panduan Allah, agar dalam melaksanakan tugasnya sebagai khalifah Allah, ia tidak akan terkeluar dari sempadan-sempadan yang telah ditentukan oleh Allah, kerana sekiranya manusia dibiarkan bebas sebeb-bebasnya, tanpa terikat kepada nilai dan sistem yang telah ditentukan, maka akan berlakulah kerosakan dan kemusnahan kepada alam dan manusia sendiri.

Firman Allah S.W.T. *Surah Al-Rum*, (30): 41, bermaksud:

"Berlaku kerosakan di daratan dan di lautan (akibat) dari perbuatan tangan manusia, supaya kami rasakan kepada mereka sebahagian dari perbuatan mereka itu, semoga mereka akan kembali".

- (e) Mengambil perhatian tentang kesesuaian tenaga manusia dengan tugas dan tanggungjawabnya. Hal ini amat perlu dalam bidang pengurusan dan pelaksanaan sebarang program atau aktiviti supaya hasilnya benar-benar berkesan dan produktif. Allah S.W.T. memberi contoh tentang pengurusan harta.

*Surah Al-Nisa'*, (4): 5, bermaksud:

(Janganlah kamu serahkan harta kamu kepada orang-orang bodoh, (iaitu harta) yang Allah amanahkan untuk kamu menguruskannya.

- (f) Mengakui kekuasaan dan kejadian Allah yang menyeluruh

dengan segala hikmah yang terkandung di dalamnya untuk kebaikan umat manusia sendiri. Kejadian manusia yang terdiri dari kepelbagaian kaum, bangsa, budaya, warna kulit dan sebagainya merupakan tanda-tanda kebesaran Allah untuk menguji kebijaksanaan manusia dan kekuatan mereka bagi mempertahankan kedamaian dan integrasi manusia itu sendiri.

Firman Allah S.W.T. *Surah Al-Rum*, (30): 22, bermaksud:

"Dan sebahagian daripada tanda-tanda-Nya ialah kejadian langit dan bumi, dan kepelbagaian bahasa dan warna kulit kamu"

Untuk itu Allah menegaskan *Surah Al-Hujurat*, (49):13 , bermaksud:

"Wahai manusia, Kami jadikan kaum lelaki dan perempuan, dan Kami ciptakan kamu berbangsa-bangsa dan puak-puak supaya kamu berkenal-kenalan".

- (g) Memahami tabiat kejadian dan hati manusia, serta mengakui hakikat perbezaan kepercayaan manusia. Manusia sebagai makhluk Allah yang unik mempunyai tabiat yang berbeza-beza dan tahap pemikiran yang tidak sama. Dalam hal ini manusia perlu kepada peringatan dan pendapat lain sebagai bahan pemikiran sendiri.

Allah S.W.T. memberi contoh tentang manusia dan kehendak-Nya untuk beriman kepada Allah ataupun tidak *Surah Yunus*, (10) : 99, bermaksud:

"Sekiranya Tuhan kamu menghendaki maka seluruh mereka yang berada di atas muka bumi telah beriman, apakah engkau akan memaksa manusia supaya mereka semua menjadi orang-orang beriman".

Maksudnya, bahawa manusia dengan segala kurniaan dan kemudahan yang diberikan Allah sepatutnya telah dapat berfikir dengan baik untuk beriman, kerana segala kenyataan di sekelilingnya jelas menunjukkan kekuasaan Allah. Bagaimanapun manusia hanya diperingatkan sahaja, kemudian mereka sendiri membuat pilihan dan menanggung risikonya.

- (h) Mengambil sikap toleransi dan persefahaman sesama manusia dalam keadaan biasa. Dasar kehidupan bersama secara aman damai sesama manusia merupakan satu perkara penting yang

dianjurkan Islam. Formula-formula perdamaian haruslah digubal oleh manusia sejagat dan dihormati sepenuhnya tanpa sebarang diskriminasi kaum atau status, kerana manusia semuanya adalah sama dari segi ini, iaitu dari segi perhubungan sejagat dan perhubungan kemanusiaan.

Firman Allah S.W.T. *Surah Al-Mumtahinah*, (60): 8, bermaksud:

"Allah tidak menegah kamu menjalin hubungan baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi (memusuhi) kamu, dan tidak mengusir kamu dari rumah tanggamu. Sesungguhnya Allah cintakan orang-orang yang berlaku adil".

Allah juga menerangkan sempadan toleransi *Surah Al-Mumtahinah*, (60): 9, bermaksud:

"Sesungguhnya Allah menegah kamu daripada menjalinkan hubungan dan mematuhi orang-orang yang memusuhi kamu berdasarkan agama kamu, dan membantu orang lain untuk mengusir kamu. Dan barang siapa yang menjadikan mereka itu sebagai kawan, maka mereka itu orang-orang yang zalim".

9. Beberapa prinsip pembangunan manusia, dan ciri-ciri pembentukan sikap, peribadi, pengurusan dan perhubungan manusia yang dijelaskan di atas diharap dapat memberikan panduan-panduan yang berguna ke arah penggubalan dasar negara tentang program pembangunan manusia dalam menuju matlamat menjadikan Malaysia negara maju dengan warganegaranya yang bersatu, bermaruah dan berkualiti.
10. Wawasan 2020 merupakan acuan yang perlu diisikan. Oleh itu orang-orang Islam haruslah mengambil kesempatan mengisi acuan ini dengan nilai-nilai moral kerohanian yang sesuai dengan ajaran Islam dan nilai-nilai universal yang dapat diamalkan oleh rakyat Malaysia umumnya. Kalau orang-orang Islam tidak mengambil kesempatan ini dengan sebaik-baiknya, maka Wawasan ini akan diisi oleh nilai-nilai lain oleh orang-orang lain. Maka ketika itu orang-orang Islam akan terus melakukan kesilapan dan menyesal di atas kesalahan sendiri.
11. Wawasan 2020 menekankan bahawa dalam menuju ke arah mencipta sebuah negara maju sepenuhnya menjelang tahun 2020, masyarakat Malaysia haruslah mengatasi sembilan cabaran strategik yang dihadapi sejak Malaysia mencapai kemerdekaannya.

12. Sembilan cabaran yang dikemukakan di dalam Wawasan tersebut jika dianalisis dengan terperinci dapat disimpulkan seperti berikut:

(i) Cabaran yang dihadapi di dalam membina bangsa Malaysia:

- (a) yang mempunyai matlamat bersama;
- (b) yang aman, berinterasi, harmoni;
- (c) setia kepada negara;
- (d) berjiwa bebas;
- (e) berkeyakinan, berdikari;
- (f) dihormati;
- (g) menjadi masyarakat contoh;
- (h) bermoral dan beretika;
  
- (i) berpegang teguh kepada nilai-nilai agama dan kerohanian;
- (j) progresif dan berpandangan jauh;
- (k) penyumbang kepada tamaddun saintifik dan teknologi masa depan;
- (l) melahirkan masyarakat penyayang dan kebajikan;

(ii) Cabaran yang dihadapi dalam mewujudkan negara maju:

- (a) yang adil dalam bidang ekonomi;
- (b) makmur dan mempunyai ekonomi bersaing, dinamik, giat dan kental.

13. Ternyata dari kenyataan di atas bahawa daripada sembilan cabaran yang dikemukakan dalam Wawasan 2020, tujuh daripadanya (**cabaran 1 hingga 7**) merupakan cabaran utama yang perlu diatasi dalam melahirkan insan yang baik sebagai warganegara Malaysia yang maju. Tujuh cabaran tersebut juga merencanakan program pembangunan insan yang konkrit dari segi fizikal, mental dan kerohanian untuk menjadi manusia yang sihat, berilmu, beretika dan berpegang teguh kepada nilai-nilai agama dan moral yang tinggi sebagai rakyat negara maju.

14. Dua daripada sembilan cabaran Wawasan 2020 pula (**cabaran 8 dan 9**) adalah tertumpu kepada pembinaan negara maju dalam bidang ekonomi dan kebendaan. Pembahagian sembilan cabaran kepada tujuh lawan dua seperti yang diterangkan di atas bolehlah dilihat sekurang-kurangnya dari segi kuantiti, bahawa cabaran yang dihadapi dalam pembangunan insan adalah lebih serius dan lebih sukar daripada cabaran dalam membangunkan ekonomi dan kebendaan. Rasionalnya ialah bahawa pembangunan ekonomi yang mantap dan tinggi tanpa pembangunan manusia yang berperadaban akan hanya melahirkan negara maju yang



kucar kacir, rasuah dan penuh "jenayah" termasuk "jenayah kolar puteh" serta keruntuhan moral yang membawa kepada berbagai-bagai penyakit fizikal, mental dan kerohanian.

15. Ringkasnya, matlamat Wawasan 2020 ialah melahirkan negara maju dalam bidang ekonomi dan industri, iaitu dari segi kuantitatif, dengan rakyat yang bersatu padu, taat setia, bermoral tinggi dan beragama, tegasnya rakyat yang berkualiti tinggi. Gabungan kuantiti dan kualiti ini merupakan formula negara maju Malaysia yang akan tertegak di permukaan bumi sebagai negara maju dengan identiti dan modelnya sendiri.

### **UMAT ISLAM DI MALAYSIA**

16. Berdasarkan aspirasi Wawasan 2020 maka umat Islam di Malaysia diharap dalam masa tidak sampai tiga puluh tahun yang akan datang menjadi umat yang berkualiti dan mampu bersaing dengan rakyat Malaysia keturunan kaum lain sebagai rakyat negara maju, iaitu di dalam bidang ilmu pengetahuan, penguasaan teknologi, perdagangan, politik dan sebagainya.
17. Pada umumnya, dalam jangka masa yang tersebut kita mengharapkan bahawa umat Islam di Malaysia akan dapat mempertingkatkan lagi tuntutan-tuntutan Islam di dalam bidang-bidang berikut:
  - (a) kesatuan umat yang boleh dibanggakan dalam perjuangan bersama dan dalam mengatasi cabaran-cabaran bersama, dan mengelakkan pertelingkahan yang berasaskan fahaman politik sempit, kepentingan peribadi, fanatik dan sebagainya;
  - (b) pencapaian yang lebih di dalam pelajaran dan pekerjaan profesional. Peratusan pelajar tinggi orang-orang Melayu Islam di dalam dan di luar negeri haruslah dipertingkatkan lagi, terutamanya di dalam bidang profesional;
  - (c) peningkatan prestasi dan aktiviti ekonomi yang lebih maju dan berdaya saing, dan tidak hanya bergantung kepada pertolongan kerajaan atau terlalu cepat berpuas hati dengan pencapaian ekonomi sekadarnya sahaja;
  - (d) perubahan sikap yang lebih terbuka dan sabar, bertaqwa dan berakhlak, tegas dalam pegangan nilai-nilai dan prinsip-prinsip sejagat;
  - (e) kematangan dalam kefahaman herpolitik, bermasyarakat dalam negara berbilang kaum, herpersatuan dan menjaga adab ketika

berselisihan pendapat dan berdebat;

- (f) kefahaman yang lebih tentang hubungan Islam dengan segala aspek kehidupan dunia, terutamanya dalam masyarakat moden yang menghadapi pesat secara menyeluruh;
- (g) kefahaman yang lebih tentang peningkatan akidah dan akhlak Islamiah di peringkat individu, dan peningkatan Islam di kalangan masyarakat umum dan pemerintah.

18. Peningkatan prestasi dan perubahan sikap orang-orang Islam seperti yang disebutkan di atas merupakan faktor utama untuk memajukan umat Islam di dalam segala bidang kehidupan mereka, dengan harapan bahawa kemajuan umat Islam akan dapat menghindarkan tanggapan negatif terhadap agama Islam dan menghilangkan kesalahfahaman tentang Islam dan umatnya.